

23/09/2002

Bajet 2003 bantu pacu pertumbuhan ICT negara

Hizral Tazzif Hisham

MULTIMEDIA Development Corp Sdn Bhd (MDC), menyifatkan Bajet 2003 dibentangkan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, amat menggalakkan kerana ia memberi petunjuk kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara.

Ketua Eksekutif MDC, Datuk Dr Mohd Arif Nun, berkata Bajet 2003 mengesahkan pandangan yang dikemukakan ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia baru-baru ini yang menyatakan Koridor Raya Multimedia (MSC) sudah lengkap prasarana fizikalnya, pelaksanaan aplikasi perdana melebihi sasaran dan berjaya menghasilkan pusat multimedia bertaraf dunia yang akan menarik minat syarikat ICT antarabangsa untuk melabur di MSC.

"Pencapaian MSC terutamanya aplikasi perdana akan menjadi asas terhadap pembangunan ekonomi berlandaskan pengetahuan (k-ekonomi) di Malaysia.

"Pelaksanaan menyeluruh kad pintar MyKad di seluruh negara akan merangsang perubahan Malaysia daripada ekonomi berasaskan pengetahuan (p-ekonomi) kepada k-ekonomi," katanya sebagai mengulas Bajet 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di parlimen, minggu lalu.

Beliau berkata, langkah kerajaan seterusnya untuk mengurangkan jurang digital di negara ini akan dapat memastikan rancangan untuk terus menerokai k-ekonomi sebagai enjin kedua pertumbuhan ekonomi negara akan berhasil.

"Kerajaan menerusi Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia akan melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan terutamanya bagi penduduk luar bandar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta melatih belia dalam bidang ICT," katanya.

Sementara itu, Microsoft akan terus komited dengan pembangunan teknologi di Malaysia dan MSC melalui penyertaan syarikat dalam pelbagai aktiviti berprofil tinggi.

Ketua Teknikal Microsoft, Craig Mundie berkata, kepimpinan Malaysia menunjukkan komitmen bagi membangunkan industri berasaskan maklumat yang produktiviti tinggi untuk masa depan dan negara juga menawarkan pelan induk mengenai bagaimana negara membangun boleh menggunakan teknologi untuk bergerak ke barisan hadapan industri moden.

Bagi mengesahkan komitmen Microsoft terhadap Malaysia, Pengarah Urusan Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd, Butt Wai Choon berkata, inisiatif syarikat untuk bekerja dengan kerajaan dan industri bagi membina sumber pengetahuan yang luas bagi Malaysia telah dimanifestasikan melalui Pusat Induk Pengetahuan Microsoft, syarikat Microsoft Corp berstatus MSC.

Antara kemudahan disediakan ialah Pusat Perkhidmatan Web XML, yang berpangkalan di Inkubator Pusat MSC di Cyberjaya.

Pusat Perkhidmatan Web XML itu ialah pusat penyelidikan dan pembangunan yang akan bertindak sebagai pusat pertukaran latihan bagi syarikat, kerajaan, institusi pendidikan dan syarikat perisian Malaysia untuk menguji, berkongsi dan mempelajari amalan terbaik dalam membangunkan perkhidmatan Web XML.

"Sumbangan kami, melalui Pusat Induk Pengetahuan Microsoft, ialah melalui kerjasama dengan industri tempatan dan agensi kerajaan bagi memastikan Malaysia akan dapat pegangan sewajarnya dalam ekonomi digital dunia," katanya.

Pengerusi Eksekutif Sistem Kompakar Sdn Bhd, Tunku Datuk Seri Shahabuddin Tunku Besar Burhanuddin, berkata selaras dengan falsafah Bajet 2003, syarikat akan terus membangunkan kepakaran dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (P&P) dalam pelbagai bidang ICT, termasuk teleperubatan.

"Sistem Kompakar bersedia menyumbangkan kepakaran dalam bidang teleperubatan terutamanya selepas kejayaan melaksanakan penyelesaian sistem maklumat hospital iaitu Putracare untuk klinik kesihatan di Putrajaya," katanya.

Pengarah Urusan Kumpulan Sistem Enterpris HP Malaysia, T F Chong, berkata Bajet 2003 akan dapat merangsang pertumbuhan perniagaan industri ICT tempatan terutamanya untuk sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

"Walaupun, tanpa insentif baru terutamanya untuk sektor ICT tetapi ia mencukupi untuk pengguna dan golongan perniagaan kerana kebanyakan insentif sudah diberi dalam bajet terdahulu," katanya.